



09 APR, 2026

## Tingkat pelaksanaan Jualan Agro MADANI

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

# Tingkat pelaksanaan Jualan Agro MADANI

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semalam mengumumkan pelaksanaan Pelan Intervensi Pembekalan dan Pemasaran Hasil Pertanian komprehensif bagi menepati impak krisis tenaga global.

Melalui pelan itu, FAMA akan memperkasa pelaksanaan Jualan Agro MADANI (JAM) dengan memperluas inisiatif 'Jimat Dapur Rakyat' yang mensasarkan sebanyak 2,399 sesi di seluruh negara bermula April hingga September tahun ini.

"Pelaksanaan ini akan dijalankan secara berfasa, dengan Fasa 1 dari April hingga Mei membabitkan 872 sesi, manakala Fasa 2 dari Jun hingga September dipertingkatkan kepada 1,527 sesi," menurut agensi itu dalam kenyataan, semalam.

Program berkenaan turut akan dilaksanakan secara berterusan di premis seliaan FAMA termasuk Agrobazaar FAMA, Pusat Operasi FAMA dan lokasi strategik lain.

Menurut FAMA, melalui inisiatif Jualan Kombo MADANI dan jualan promosi itu, kumpulan sasaran bakal menikmati potongan harga antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran tempatan, sekaligus bertindak sebagai mekanisme perlindungan kepada pengguna daripada kesan kenaikan kos sara hidup.

Selain itu, FAMA memaklumkan bahawa langkah itu selari dengan usaha Kerajaan MADANI dalam memastikan kestabilan rantaian bekalan makanan serta akses barangan asas kepada rakyat pada harga rendah di seluruh negara.

"FAMA komited untuk terus memainkan peranan sebagai pemudah cara melalui kerjasama erat dengan pengeluar, pemborong dan peruncit, bagi menjamin keterjaminan makanan negara, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk membina sistem makanan lebih berdaya tahan dalam menghadapi sebarang krisis global pada masa hadapan," menurut kenyataan itu. - BERNAMA



09 APR, 2026

## Tingkat pelaksanaan Jualan Agro MADANI

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semalam mengumumkan pelaksanaan Pelan Intervensi Pembekalan dan Pemasaran Hasil Pertanian komprehensif bagi mendepani impak krisis tenaga global. Melalui pelan itu, FAMA akan memperkasa pelaksanaan Jualan Agro MADANI (AM) dengan memperluas inisiatif 'Jimat Dapur Rakyat' yang menasasarkan sebanyak 2,399 sesi di seluruh negara bermula April hingga September tahun ini.